

TAHAP DAN PERBEZAAN AMALAN KEPIMPINAN JURULATIH YANG POPULAR DALAM KALANGAN ATLET BERPASUKAN SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS)

Shabeshan Rengasamy
Wee Akina Sia Seng Lee*
Ravin Silvarajo

Faculty of Education, University of Malaya
sengleefamily@gmail.com *

ABSTRACT

This study aims to investigating the coaches' leadership style favored by one of the Private Higher Education Institutions (IPTS) team sport athletes in Malaysia based on gender. A total of 107 team sport athletes aged between 19 and 22 years who had at least represented kolej in sports competitions and games were selected by purposive sampling. "Leadership Scale for Sport" (LSS) by Chelladurai and Saleh (1980) was used to identify the preferred leadership style of coaches team sport athletes based on gender differences. The results showed team sport male athletes was favored the the dimensions of training and instruction (mean=3.87, SD=0.56), followed by positive feedback dimensions (mean=3.73, SD=0.65), the democratic dimension (mean=3.51, SD=0.63), dimensions of social support (mean=3.48, SD=0.65) and the least interest was the autocratic dimension (mean=3.02, SD=0.94). While team sport female athletes was favored dimensions of training and instruction (mean=3.66, SD=0.69), followed by the positive feedback dimensions (mean=3.65, SD=0.76), the democratic dimension (mean=3.49, SD=0.42), dimensions of social support (mean=3.20, SD=0.77) and the least interest was the autocratic dimension (mean=3.20, SD=0.68). The independent t test showed no significant difference between the gender in the all dimension of leardership style favored by team sport athletes, with $p > .05$. This research has revealed that dimensions of training and instruction style is preferred by one of the Private Higher Education Institutions team sport athletes based on gender and have indicated some recommendation and suggestions for further studies.

Keywords: coaches' leadership, (IPTS) team sport athletes, gender

PENGENALAN

Kepimpinan ialah proses tingkahlaku kompleks dan dinamik di antara ahli kumpulan, komunikasi interpersonal dan bergerak ke arah matlamat yang telah ditetapkan (Riemer, 2007; Yukl, 2006). Dalam bidang sukan, jurulatih bertindak sebagai pemimpin pasukan kerana melatih dan memberi keyakinan diri kepada atlet sebagai persediaan ke arah pertandingan. Kepimpinan jurulatih penting kerana mempengaruhi pencapaian atlet dan pasukan yang dibentuk (Patterson, Carron, & Loughhead, 2005). Keberkesanan kepimpinan jurulatih ditentukan berdasarkan pelbagai faktor seperti gaya kepimpinan jurulatih, tingkahlaku jurulatih, karakter atlet dan juga faktor situasi (Horn, 2008).

Menurut Chelladurai (2007), gaya kepimpinan jurulatih meliputi dimensi latihan dan arahan, demokratik, maklum balas positif atau ganjaran, sokongan sosial dan autokratik. Kajian mendapati faktor yang paling ketara menyebabkan kemerosotan atlet adalah jurulatih tidak mempunyai gaya kepimpinan tertentu semasa mengendalikan latihan (Cakioglu, 2003; Ziad Al Tahayneh, 2003). Dapatan kajian telah terbukti bahawa kemerosotan prestasi pemain berkait rapat dengan gaya kepimpinan dalam dimensi demokratik dan dimensi maklumbalas positif ataupun ganjaran (Carthen,

2005). Keadaan ini jika tidak ditangani akan menyebabkan prestasi atlet atau pasukan menjadi semakin merosot.

SOROTAN KAJIAN

Kajian kepimpinan jurulatih telah dijalankan pada peringkat antarabangsa (Beam, Serwatka, & Wilson, 2004; Chelladurai, Imamura, Yamaguchi, Oinuma, & Miyauchi, 1988; Chelladurai, 2007; Horn, 2008; Jambor & Zhang, 1997; Riemer & Chelladurai, 1995; Riemer, 2007; Rui, Lopes, & Mata, 2011) dan di Malaysia (Asiah & Rosli, 2005, 2008, 2009; Nazarudin et al., 2009; Rengasamy, Wee, Syed Kamaruzaman, 2013; Shaharudin, 2004, 2005; Wee & Rengasamy, 2014). Kebanyakan kajian lepas telah menunjukkan gaya kepimpinan dimensi latihan dan arahan adalah dimensi yang paling diminati oleh atlet (Jabal, 2009; Kashtan, 2007; Khalaj et al., 2011; Khuran, 2009; Rui et al., 2011; Sarpira et al., 2012).

Gaya kepimpinan dimensi demokratik dan dimensi autokratik pula adalah dimensi yang kurang diminati atlet (Jabal, 2009; Kashtan, 2007; Khalaj et al., 2011). Dimensi kepimpinan maklum balas (ganjaran) diminati oleh atlet kerana ianya sebagai pengagihan bonus jurulatih kepada atlet semasa latihan atau semasa pertandingan (Chelladurai, 2007; Rengasamy et al., 2013; Wee & Rengasamy, 2014). Dimensi sokongan sosial jurulatih diperlukan khususnya oleh atlet muda untuk merasakan keseronokan manakala dimensi maklum balas positif atau ganjaran dapat membawa kepada perasaan kesaksamaan di antara ahli kumpulan yang dibentuk (Chelladurai, 2007; Rengasamy et al., 2013; Wee & Rengasamy, 2014).

Kajian juga telah membuktikan faktor jantina memberi darjah kegemaran yang berbeza dari aspek dimensi kepimpinan jurulatih. Didapati atlet lelaki lebih mengemari dimensi autokratik manakala atlet perempuan pula lebih mengemari gaya kepimpinan dimensi demokratik (Chelladurai & Arnott, 1985; Chelladurai, 1980; Rengasamy et al., 2013; Rui et al., 2011; Wee & Rengasamy, 2014).

PERNYATAAN MASALAH

Berpandukan sorotan kajian, para pengkaji lampau masih tidak dapat mengenal pasti kepimpinan jurulatih yang diminati atlet berpasukan berasaskan jantina. Ini disebabkan oleh kekurangan kajian berkaitan dijalankan terhadap atlet berpasukan pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Dapatan kajian lampau mendapati gaya kepimpinan dimensi maklum balas positif paling digemari oleh atlet Sukan Malaysia (Shahurudin, 2004) dan atlet pada peringkat sekolah menengah (Rengasamy et al., 2013; Wee & Rengasamy, 2014). Manakala gaya kepimpinan yang paling kurang digemari adalah dimensi autokratik (Rengasamy et al., 2013; Shahurudin, 2004; Wee & Rengasamy, 2014). Kajian Nazarudin et al (2009) pula menunjukkan dimensi latihan dan arahan paling diminati atlet peringkat universiti awam berbanding dengan dimensi autokratik dan dimensi demokratik.

Memandangkan kajian berkaitan dengan gaya kepimpinan jurulatih masih terhad dan kurang dilaporkan pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), yang mana kajian lepas hanya tertumpu kepada atlet sekolah (Rengasamy et al., 2013; Wee & Rengasamy, 2014), atlet SUKMA (Shahurudin, 2004) dan atlet universiti awam (Nazarudin et al., 2009). Maka, satu kajian pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) perlu dijalankan untuk meneliti kepimpinan jurulatih yang diminati atlet berpasukan.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memberi informasi kepada jurulatih Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia berkaitan dengan kepimpinan yang diminati oleh atlet berpasukan. Selain itu, jurulatih juga dapat mengenalpasti tahap dan pangkatan dalam kepimpinan yang menjadi pilihan atlet berpasukan pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Informasi ini penting kerana dapat mempengaruhi pencapaian atlet berpasukan pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Di samping itu juga, aspek perbezaan antara jantina terhadap gaya kepimpinan yang diminati atlet berpasukan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) akan terjawab melalui kajian ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

- a) Mengetahui tahap dimensi gaya kepimpinan yang menjadi pilihan atlet berpasukan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia berasaskan perbezaan jantina.
- b) Meneliti perbezaan aspek jantina dalam dimensi gaya kepimpinan atlet berpasukan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian berbentuk kuantitatif dan menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan ini sesuai kerana soal selidik dapat diberikan kepada seramai responden yang mungkin (Robert, Spink, & Pemberton, 1999). Seramai 107 atlet berpasukan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia telah dipilih melalui teknik persampelan bertujuan. Menurut Robert et al (1999) seramai 107 atlet yang dipilih menerusi persampelan bertujuan ini mencukupi untuk menjawab objektif kajian. Responden yang terlibat berusia antara 19 hingga 22 tahun (Min=20.90, SP=1.15) terdiri daripada 86 orang atlet berpasukan lelaki dan 21 orang atlet berpasukan perempuan. Responden yang dipilih ini pernah mewakili kolej secara berpasukan dalam permainan dan sukan seperti, bola sepak, bola jaring, bola tampar, bola keranjang, bola baling, tenis, ping pong dan sepak takraw.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal- selidik Leadership Scale for Sports (Chelladurai & Salleh, 1980) yang terdiri daripada 40 soalan berskala likert. Instrumen ini menguji 5 dimensi gaya kepimpinan jurulatih iaitu dimensi latihan dan arahan (13 soalan); dimensi demokratik (9 soalan); dimensi autokratik (5 soalan); dimensi sokongan sosial (8 soalan) dan dimensi maklumbalas positif (5 soalan). Nilai kesahan soal selidik ini antara .59 sehingga .85 manakala kebolehpercayaan soal selidik pula antara .75 sehingga .90 (Chelladurai & Saleh, 1980; Chelladurai et al., 1988; Rengasamy et al., 2013; Wee & Rengasamy, 2014).

Prosedur Kajian

Sebelum borang soal-selidik diagihkan kepada responden, pengkaji terlebih dahulu memberi soal-selidik kepada dua pakar dalam bidang bahasa dan dua pakar dalam bidang Pendidikan Jasmani dari Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya untuk disahkan kesahihannya. Ini kerana pengkaji telah menterjemahkan soal selidik kepada Bahasa Malaysia menerusi back to back translation (Brislin, Lonner, & Thorndike, 1973). Kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang responden lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama telah menunjukkan nilai Cronbach Alpha .82. Nilai kebolehpercayaan ini dapat diterima kerana Nunally (1978) telah menetapkan .70 sebagai piawai minimum. Responden kajian diberi masa antara 20-30 minit untuk menjawab instrumen secara bersendirian.

Analisis Data

Data diperolehi dianalisis dengan menggunakan program Statistical Package of Social Science (SPSS) versi 20.0. Mohd Majid Konting (2006) menegaskan penganalisan data berstatistik dengan menggunakan perisian ini dapat menghasilkan pengiraan yang tepat. Analisis statistik deskriptif seperti min dan sisihan piawai digunakan untuk mengenal pasti tahap dan kedudukan dimensi gaya kepimpinan jurulatih yang diminati atlet berpasukan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia berasaskan jantina. Manakala analisis inferensi iaitu ujian-t bebas digunakan untuk meneliti perbezaan aspek jantina dalam dimensi gaya kepimpinan jurulatih yang diminati atlet berpasukan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia.

Dapatan Kajian

Jadual 1

Data Mentah Gaya Kepimpinan Yang Diminati Atlet Berpasukan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia

Pemboleh ubah	Jantina	Arahan Dan Latihan	Dimensi Kepimpinan			
			Demokratik	Autokratik	Sokongan Sosial	Maklumbalas Positif
Lelaki	Min	3.87	3.51	3.02	3.48	3.73
	SP	0.56	0.63	0.94	0.65	0.65
	N	86	86	86	86	86
Perempuan	Min	3.66	3.49	3.20	3.20	3.65
	SP	0.69	0.42	0.68	0.77	0.76
	N	21	21	21	21	21
Jumlah	Min	3.83	3.51	3.06	3.42	3.71
	SP	0.59	0.59	0.89	0.68	0.67
	N	107	107	107	107	107

Dapatan kajian dalam aspek demografi adalah seperti Jadual 1 yang menunjukkan gaya kepimpinan yang digemari atlet berpasukan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia. Kajian mendapati atlet berpasukan lelaki lebih menggemari dimensi latihan dan arahan (min=3.87, SP=0.56), diikuti dimensi maklumbalas positif (min=3.73, SP=0.65), dimensi demokratik (min=3.51, SP=0.63) dan dimensi sokongan sosial (min=3.48, SP=0.65). Dan dimensi yang paling tidak digemari oleh atlet berpasukan lelaki ialah dimensi autokratik (min=3.02, SP=0.94). Dapatan kajian menunjukkan atlet berpasukan perempuan juga menggemari dimensi latihan dan arahan (min=3.66, SP=0.69), diikuti dimensi kedua iaitu dimensi maklumbalas positif (min=3.65, SP=0.76), diikuti dimensi demokratik (min=3.49, SP=0.42). Dan dimensi yang paling tidak disukai oleh atlet berpasukan perempuan ialah dimensi sokongan sosial (min=3.20, SP=0.68) dan dimensi autokratik (min=3.20, SP=0.77).

Secara keseluruhannya, atlet berpasukan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia lebih meminati gaya kepimpinan dimensi latihan dan arahan (min=3.83, SP=0.59), diikuti dimensi maklumbalas positif (min=3.71, SP=0.67), disusuli dimensi demokratik (min=3.51, SP=0.59), dimensi sokongan sosial (min=3.42, SP=0.68) dan terakhir ialah dimensi autokratik (min=3.06, SP=0.89).

Objektif kajian 1: Mengenal pasti tahap dan kedudukan dimensi gaya kepimpinan yang menjadi pilihan atlet berpasukan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia berasaskan perbezaan jantina.

Jadual 2

Analisis Deskriptif Berasaskan Perbezaan Jantina Dan Mengikut Kedudukan Pakatan Yang Diminati Dalam Dimensi Gaya Kepimpinan Jurulatih

Dimensi Gaya Kepimpinan	Jantina					
	Lelaki (N=86)			Perempuan (N=21)		
	Min	SP	Kedudukan	Min	SP	kedudukan
Arahan Dan Latihan	3.87	0.56	1	3.66	0.69	1
Maklumbalas Positif	3.73	0.65	2	3.65	0.76	2
Demokratik	3.51	0.63	3	3.49	0.42	3
Sokongan Sosial	3.48	0.65	4	3.20	0.68	4
Autokratik	3.02	0.94	5	3.20	0.77	4

Analisis deskriptif seperti dalam Jadual 2 menunjukkan kedudukan pakatan dalam dimensi gaya kepimpinan mengikut kegemaran atlet berpasukan lelaki dan perempuan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan tidak ada perbezaan dari segi kedudukan dalam dimensi kepimpinan bagi atlet berpasukan lelaki dan perempuan. Dapatan kajian menunjukkan kedudukan pertama yang diminati atlet berpasukan lelaki dan perempuan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia adalah dimensi arahan dan latihan, kedudukan kedua adalah dimensi maklumbalas positif dan kedudukan ketiga adalah dimensi demokratik. Kedudukan keempat adalah dimensi sokongan sosial dan yang paling tidak diminati oleh atlet berpasukan lelaki di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia adalah dimensi autokratik. Manakala bagi atlet berpasukan perempuan pula, dimensi sokongan sosial dan dimensi autokratik adalah dimensi yang paling tidak diminati di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia.

Objektif kajian 2: Meneliti perbezaan aspek jantina dalam dimensi gaya kepimpinan atlet berpasukan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia.

Jadual 3

Analisis Ujian-t Bebas Antara Atlet Berpasukan Lelaki dan Perempuan Dalam Dimensi Gaya Kepimpinan Jurulatih

Dimensi Kepimpinan	n	Min	SP	t	p
Arahan dan latihan					
Lelaki	86	3.87	0.56	1.47	0.15
Perempuan	21	3.66	0.69		
Maklumbalas Positif					
Lelaki	86	3.73	0.65	0.48	0.64
Perempuan	21	3.65	0.76		
Demokratik					
Lelaki	86	3.51	0.63	0.16	0.87
Perempuan	21	3.49	0.42		
Sokongan Sosial					
Lelaki	86	3.48	0.65	1.68	0.10
Perempuan	21	3.20	0.77		
Autokratik					
Lelaki	86	3.02	0.94	0.83	0.41
Perempuan	21	3.20	0.68		

* $p < .05$

Dapatan statistik infensi seperti dalam Jadual 3 pula menunjukkan ujian t-bebas terhadap perbezaan jantina di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia. Dapatan menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan antara atlet berpasukan lelaki dengan atlet berpasukan perempuan dalam kesemua dimensi gaya kepimpinan jurulatih yang diminati oleh atlet berpasukan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Malaysia dengan nilai $p > .05$.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian telah menunjukkan atlet berpasukan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia lebih menggemari gaya kepimpinan dimensi arahan dan latihan dan sangat kurang meminati gaya dimensi autokratik. Dapatan kajian ini seiring dengan dapatan kajian Nazarudin et al., (2009) yang mendapati gaya kepimpinan dimensi latihan dan arahan adalah yang paling diminati atlet universiti tempatan berbanding dimensi autokratik dan dimensi demokratik. Pengkaji mendapati faktor-faktor seperti usia, tahap kematangan dan pengalaman responden dalam kajian ini mungkin menyumbang kepada dapatan kajian yang sama dijalankan oleh Nazarudin et al (2009). Dalam kajian ini, atlet berpasukan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) mungkin mempunyai kemudahan yang hampir sama, tempoh latihan sebelum dan semasa pertandingan, pengalaman, tempoh penglibatan

dalam sukan dan usia yang hampir sama jika dibandingkan dengan atlet universiti awam yang dijalankan oleh Nazarudin et al (2009).

Dapatan ini tidak sehaluan dengan dapatan kajian Shaharudin Abd Aziz (2004) yang mendapati atlet muda yang mewakili SUKMA Perak lebih menggemari gaya kepimpinan jurulatih dimensi maklum balas positif dan tidak meminati dimensi autokratik. Ketidaksamaan dapatan kajian ini dengan kajian Shaharudin Abd Aziz (2004) mungkin disebabkan oleh faktor usia. Jika dihalusi umur atlet berpasukan pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia adalah berusia antara 19 tahun sehingga 22 tahun, manakala usia atlet muda Perak yang mewakili SUKMA pula berusia di bawah 21 tahun.

Atlet berpasukan pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) lebih meminati gaya kepimpinan jurulatih dimensi arahan dan latihan mungkin disebabkan atlet-atlet ini biasa didedahkan latihan semasa di peringkat sekolah (Chelladurai, 2007). Pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), mungkin jurulatih bertauliah dan berpengalaman serta biasa melatih dengan mengamalkan gaya dimensi arahan dan latihan. Ini kerana mungkin atlet berpasukan lebih matang dan sesuai didedahkan dengan gaya dimensi ini. Atlet pada peringkat universiti lebih matang jika dibandingkan dengan atlet pada peringkat sekolah. Dalam kajian ini, atlet pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) berumur antara 19 tahun sehingga 22 tahun. Tahap kematangan atlet (Nazarudin et al., 2009) mungkin memberi kesan yang besar dalam dapatan kajian. Ini kerana persepsi atau kehendak atlet-atlet pada peringkat universiti dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) mungkin adalah sama. Dapatan kajian menunjukkan tidak ada perbezaan segi kedudukan dalam dimensi gaya kepimpinan jurulatih yang diminati atlet-atlet lelaki dan perempuan pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Keadaan ini juga berkait rapat dengan kematangan mereka dalam sukan yang diceburi mereka iaitu dari sudut pengalaman (Asiah & Rosli, 2009; Nazarudin et al., 2009). Pengalaman atlet mungkin menyumbang kepada dapatan kajian yang berbeza. Atlet universiti awam mungkin telah melibatkan diri lebih lama dalam sukan berbanding dengan atlet-atlet pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Malaysia.

Dari aspek perbezaan jantina pula, analisis inferensi telah menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesemua dimensi gaya kepimpinan jurulatih dengan nilai $p > .05$. Dapatan kajian ini tidak seiring dengan dapatan kajian terdahulu (Chelladurai & Arnott, 1985; Chelladurai, 1980; Rui et al., 2011) yang mendapati atlet lelaki lebih menggemari gaya kepimpinan dimensi autokratik manakala atlet perempuan pula lebih menggemari gaya kepimpinan dimensi demokratik. Selain itu, dapatan kajian ini juga tidak selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Chelladurai et al (1988) juga mendapati atlet wanita lebih menyukai dimensi sokongan sosial dan dimensi demokratik sementara atlet lelaki pula lebih menyukai dimensi sokongan sosial dan dimensi autokratik. Pengkaji meramalkan beberapa kemungkinan yang memberi kepada dapatan kajian berbeza dengan kajian terdahulu.

Antara faktor penyumbang kepada dapatan kajian yang berbeza adalah seperti kemungkinan disebabkan oleh atlet berpasukan lelaki dan perempuan di peringkat IPTS lebih berani menampilkan personaliti dan mudah mendekati jurulatih (Rui et al., 2011). Tempoh masa latihan yang cukup dan pengalaman yang ada mungkin menyumbang kepada kesamaan antara aspek perbezaan jantina (Chelladurai, 1980).

Di samping itu, faktor seperti usia dalam aspek perbezaan jantina juga mempengaruhi dapatan kajian ini. Jika kita lihat dapatan kajian yang dijalankan oleh Chelladurai dan Arnott (1985) dan kajian yang dijalankan oleh Chelladurai et al (1988), ternyata usia responden atlet lelaki lebih matang dan kompetitif. Kematangan dan tahap kompetitif memberi ini mungkin menyebabkan mereka lebih selesa untuk dibimbing di bawah jurulatih yang mengamalkan dimensi autokratik (Asiah & Rosli, 2009; Nazarudin et al., 2009; Rui et al., 2011).

KESIMPULAN

Kajian ini dapat menyimpulkan bahawa gaya kepimpinan yang paling diminati atlet berpasukan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia berasaskan jantina adalah sama iaitu dimensi arahan dan latihan. Manakala dimensi yang kurang diminati oleh atlet berpasukan pula adalah dimensi autokratik. Dari aspek perbezaan jantina pula, kajian menunjukkan tidak terdapat

perbezaan yang signifikan dalam kesemua dimensi gaya kepimpinan jurulatih. Berpandukan dapatan kajian ini, jurulatih pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia perlu memahami kehendak dan keperluan atlet-atlet berasaskan perbezaan jantina semasa membimbing dan melatih atlet. Jurulatih harus menekankan gaya kepimpinan dalam dimensi latihan dan arahan dan perlu mengelakkan dari menggayakan kepimpinan yang autokratik.

Implimentasi jurulatih dalam dimensi arahan dan latihan akan memberi kesan dari segi psikologi kepada atlet-atlet pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia untuk merasa selesa, terjaga dari segi kebajikan dan merasa seronok semasa latihan dijalankan. Faktor-faktor psikologi ini memainkan peranan yang penting agar atlet berpasukan pada peringkat IPTS untuk terus melibatkan diri dalam sukan yang diceburi dan seterusnya dapat memberi pencapaian yang optimum semasa pertandingan. Beberapa kajian lanjutan boleh dijalankan pada masa akan datang seperti melihat hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan motivasi intrinsik atlet berpasukan dan hubungan gaya kepimpinan jurulatih dengan pencapaian atlet berpasukan pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia.

RUJUKAN

- Alfermann, D., Lee, M. L., & Wurth, S. (2005). Perceived leadership behavior and motivational climate as antecedents of adolescent athletes' skill development. *The online journal of sport psychology*, 72.
- Asiah, M. P., & Rosli, S. (2005). Coaching leadership style and athlete satisfaction in sport team. *Proceeding 1st Asia Pacific Sports Science Conference 2005*. 27 – 29 March 2005, Kota Kinabalu, Sabah. 501-535.
- Asiah, M. P., & Rosli, S. (2008). Motif penglibatan dan kepuasan dalam kalangan Atlet UTeM terhadap penyertaan Sukan Masum. *Proceeding Convention 2008 International Games: Friendship through Sports anjuran UTM : Teluk danga*. Johor bharu.
- Asiah, M. P., & Rosli, S. (2009). Coaching leadership styles and athlete satisfactions among hockey team. *Journal Of Human Capital Development*. Vol. 2(No1). pp. 77-88. ISSN 1985-7012.
- Beam, J. W, Serwatka, T. S., & Wilson, W. J. (2004). Preferred leadership of NCAA Division I and II intercollegiate student-athletes. *Journal of Sport Behavior*, 27, 3-15.
- Brislin, R. W., Lonner, W., & Thorndike, R. M. (1973). *Cross-Cultural Research Methods*. New York: John Wiley & Sons.
- Cakioglu, A. 2003. *Leadership and Satisfaction in Soccer: Examination of Congruence and Players' Position*. Master Thesis, Department of Physical Education and Sport: Middle East Technical University.
- Carthen, J.D. (2005). Transactional leadership in professional football: Is servant leadership the preferred alternative? <http://www.regent.edu.com>.
- Chelladurai, P., & Arnott, M. (1985). Decision making styles in coaching preferences in basketball players. *Research Quarterly for Exercise and Sports*. 56, 15-24.
- Chelladurai, P., & Saleh, S. D. (1980). Dimension of leadership behavior in sports Development of a leadership scale. *Journal of Sports Psychology*. 2, 34-35.

- Chelladurai, P. (1980). Leadership in sports organizations. *Canadian Journal of Applied Sports Sciences*. 5, 226-231.
- Chelladurai, P. (1990). Leadership in sport: A review. *International Journal of Sport Psychology*. 21, 328-354.
- Chelladurai, P. (2007). Leadership in sports. In G, Tenenbaum., & R, C. Eklund. (Eds.), *Handbook of Sport Psychology* (3rd ed., pp.113-135). Hoboken, New Jersey: John Wiley & Sons.
- Chelladurai, P., Imamura, H., Yamaguchi, H., Ouinuma, Y., & Miauchi, T. (1988). Sport leadership in a cross-sectional setting: The case of the Japanese and Canadian university. *Journal of Sport and Exercise Psychology*. 10, 374-89.
- Horn, T. S. (2008). *Advances in sport psychology* (3rd Ed.). Champaign, IL: Human Kinetics.
- Jabal, M, S, (2009). The relationship between leadership styles of coaches and athletes' satisfaction in Golestan province. The sports management master' thesis, University of North.
- Jambor, E. A., & Zhang, J. J. (1997). Investing leadership, gender, and coaching level using the revised leadership for sport scale. *Journal of Sport Behavior*, 20, 3 1 3-32 1 .
- Kashtan, H. M. (2007). *The relationship between teacher leadership style and team cohesion of football teams in Iranian Premier League*, master's thesis, Physical Education and Sport Sciences course, University of Guilan.
- Khalaj, G., Khabiri, M., & Sajjadi, N. (2011). The relationship between coaches leadership styles & player satisfaction in women skate championship. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 15. 3596–3601.
- Khuran, H., (2009). *The relationship between different behavior from the perspective of athletes, coaches and athletes' satisfaction levels*, Abstracts of articles presented in the national congress on sports management with emphasis on the 20-year vision of the Islamic Republic of Iran - January thirty-first 2008, Bamdad Book publishing, Page 108.
- Mohd. Majid Konting. (2006). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazarudin, M. N., Omar Fauzee, M. S., Jamalis, M., Soh, K. G., & Din, Anuar. (2009). Coaching Leadership Styles and Athlete Satisfaction among Malaysian University Basketball Team. *Research Journal of International Studies*, 9, 4-11.
- Nunally, J. (1978). *Psychometric theory* (2nd ed). San Fransisco, CA: Jossey-Bass.
- Patterson, M.M., Carron, A.V., & Loughhead, T. M. (2005). The influence of team norms on the cohesion-self-reported performance relationship: A multi-level analysis. *Psychology of sport and exercise*. 6, 479-493.
- Ramzaninezhad, & Keshtan. (2009). Coach's leadership styles and team cohesion azilian. *Journal of Biometricity*, v. 3, n. 2, p. 111-120.
- Shabeshan, R., Wee, A. S. S. L., & Syed Kamaruzaman Syed Ali. (2013). Gaya kepimpinan jurulatih yang diminati atlet-atlet sekolah menengah di Malaysia berdasarkan jantina dan bangsa. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik (Juku)*. Bil 1 Isu 4,1-9.

- Riemer, H. A., & Chelladurai, P. (1995). Leadership and satisfaction in athletics. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 17, 276-293.
- Riemer, H. A. (2007). Multidimensional model of coach leadership. In S, Jowett., & D, Lavalley (Eds), *Social Psychology in sports* (pp. 57-73). Champaign, IL: Human Kinetics.
- Robert, G. C., Spink, K. S., & Pemberton, C. L. (1999).). Learning Experiences in Sport Psychology. A practical guide to help students understand the major concepts in sport psychology. United States of America. Chanpaign, IL: Human Kinetics
- Rui, G. A., Lopes, H., & Mata, R. T. (2011). Leadership, cohesion and satisfaction: Differences between swimming and handball Portuguese teams. *Revista Mexicana de Psicología, enero 2011* Volumen 28, Número 1, 31-42.
- Sarpira, M, Khodayari, A., & Mohammadi, S. (2012). The Relationship Between Leadership Coaching Style and Team Cohesion in Team and Individual Sports. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 6(12): 297-302.
- Shaharudin, A. A. (2005). Perkaitan antara matlamat dan stail kepimpinan dengan pencapaian atlet Sukma Negeri Perak Di Kejohanan Sukma 2004. *eWacana Penyelidikan UPSI*, 13.
- Shaharudin, A.A. (2004). Perkaitan di antara orientasi matlamat dan stail kepimpinan dengan pencapaian atlet SUKMA negeri Perak di Kejohanan SUKMA 2004. <http://ppp.upsi.edu.my/eWacana/Sukma.htm>.
- Terry, P.C., & Howe, B. (1984). Coaching preferences of atheletes. *Canadian Journal of Applied Sports Sciences*. 9,188-193.
- Terry, P.C. (1984). The coaching preferences of elite athletes competing at Universiade '83. *Canadian Journal of Applied Sports Sciences*. 9,201-208.
- Wee, A. S. S. L., & Shabeshan, R. (2014). Gaya kepimpinan jurulatih yang diminati atlet-Athlet sekolah menengah di Malaysia berasaskan jantina. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan (JuPiDi)*. Bil 1, Isu 1, 65-74.
- Yukl, G. (2006). Leadership In Organizations (6th edition). Englewood Cliffs, New Jersey, Prentice Hall.
- Ziad Al Tahayneh (2003). *The Effects of Coaches' Behaviors and Burnout on The satisfaction and Burnout of Athletes*. Published Phd Dissertation, Department of Sport Management, Recreation Management and Physical Education, Florida State University.